

10 buah buku hasil tulisan kakitangan akademik UMS dilancar

KOTA KINABALU: Sebanyak 10 buah buku baharu pelbagai disiplin ilmu hasil tulisan kakitangan akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS) dilancarkan sempena Pesta Buku 2014, di Perpustakaan UMS, di sini, kelmarin.

Antara judul buku terbitan UMS itu ialah "Nilai dan Norma Masyarakat di Sabah", "Nelayan Artisanal di Sabah", "Warisan Seni dan Budaya Masyarakat Kepulauan Pesisir Sabah", "Siri Wacana Sains Sosial: Kepelbagaian Ilmu dan Isu Sosial", "Wacana Kontemporari Islam", "SPSS:

Prinsip dan Analisis Data Dalam Sains Tingkah Laku", "Bank, Stock Market and Economic Growth", "Problem Based Learning: The Use of Real - Case Scenarios For Facilitators" dan "International Journal on e-Learning Practices".

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr.Mohd Harun Abdullah berkata kejayaan kakitangan universiti itu menghasilkan buku-buku berkenaan melambangkan keserjanaan yang sejati.

"Tahniah kepada mereka

kerana berjaya menghasilkan penerbitan walaupun sentiasa sibuk dengan tugas hakiki sebagai pensyarah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan sempena Pelancaran Pesta Buku UMS 2014, di Perpustakaan UMS, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Ketua Pustakawan Perpustakaan UMS, Dayang Rukiah Ag.Amit. Majlis itu dirasmikan oleh Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Masidi Manjun.

Mohd Harun turut mer-

akamkan penghargaan kepada Persatuan Soka Gakai Malaysia yang telah menyumbangkan 37 buah buku kepada Perpustakaan UMS.

"Pihak UMS juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada The Asia Foundation melalui PACOS Trust yang turut menyumbang sebanyak 68 judul buku, bersamaan dengan 2,314 naskhah buku melalui bidang perubatan, kejururawatan, psikologi dan lain-lain bidang sains sosial.

"Semoga sumbangan dan sokongan ini berupaya menambah koleksi buku yang

ada di Perpustakaan UMS di samping memberi manfaat kepada para pelajar UMS dan masyarakat sekeliling," katanya.

Beliau berkata, masyarakat masa kini mempunyai banyak alternatif untuk mendapatkan maklumat dan ilmu pengetahuan, apatah lagi dengan kehadiran teknologi maklumat misalnya buku boleh diperolehi dalam bentuk e-book, e-journal dan akhbar elektromik serta maklumat-maklumat lain menerusi laman web dan blog.

"Bagaimanapun, buku

fizikal masih tetap menjadi pilihan utama masyarakat," katanya.

Mohd Harun menyeru para pelajar supaya memanfaatkan pameran Pesta Buku UMS yang akan berlangsung sehingga 23 Mac ini di Perpustakaan UMS.

"Selain pameran dan jualan buku, para pengunjung juga berpeluang mengetahui proses penerbitan sesebuah buku iaitu bermula dari peringkat pengurusan manuskrip sehingga proses akhir iaitu percetakan," katanya.

OLEH MARRYAN RAZAN